

BARAH 'ALI BABA'

Kegiatan jual tapak atau lesen perniagaan antara punca lambakan peniaga warga asing

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin dan Hafidzul
Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my



Hasil pemeriksaan dilakukan mengejutkan kami apabila lima peniaga tempatan yang sebelum ini memperoleh Lesen KL Prihatin didapati 'menjual' lesen diterima itu kepada warga asing"

Kuala Lumpur

Warga tempatan punyanya lesen tapi Bangla punya bisnis!

Itu antara 'barah' dalam kalangan peniaga tempatan yang masih berterusan menjual atau menyewakan lesen perniagaan diperolehi kepada warga asing.

Golongan 'ali baba' warga tempatan ini atau turut dikenali sebagai 'rakan kongsi tidur' semakin menjadi-jadi biarpun ketika negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, kegiatan menjual tapak atau lesen perniagaan ini antara punca lambakan peniaga warga asing yang terus menguasai lokasi perniagaan utama.

Menurutnya, antara kawasan popular aktiviti peniaga 'ali baba' ini adalah di sekitar Chow Kit, Pasar Pudu, Bukit Bintang dan Pusat Bandar Utara (Pasar Borong) Kuala Lumpur.

"Ini dibuktikan apabila pihak DBKL masih mengesan kewujudan peniaga warga asing dalam setiap operasi dilakukan bagi membentasi masalah itu.

"Terbaharu DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan (JPK) dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju mengadakan

Jurucakap DBKL

operasi tindakan khas terhadap aktiviti peniaga warga negara asing sekitar Setapak di sini, Selasa lalu.

"Tindakan khas ini melibatkan aktiviti menjual makanan dan minuman dikenalkan warga negara Indonesia, Thailand dan Bangladesh.

"Hasil pemeriksaan dilakukan mengejutkan kami apabila lima peniaga tempatan yang sebelum ini memperoleh Lesen KL Prihatin didapati 'menjual' lesen diterima itu kepada warga asing," katanya.

Menurutnya, semua warga tempatan terbabit dikenakan tindakan pembatalan lesen masing-masing ekoran melanggar syarat kerana membenarkan lesen atau tapak niaga mereka dikendalikan warga asing.

"Keadaan ini amat mendukacitakan DBKL yang sekian lama berusaha membantu peniaga tempatan dengan memberikan pelbagai insentif dan keistimewaan.

"Susulan itu sebanyak 13

tindakan sita dan pindah barangan peniaga seperti kemeja, kerusi, meja, tong gas dan dapur dilakukan kerana mereka menyalahi Undang-Undang Kecil Pelesenan, Peniaga dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016," katanya.

Beliau berkata, aktiviti sama turut dikesan hasil operasi Tindakan Ops Patuh Terhadap Premis Perniagaan dan Komersial di 11 kawasan Parlimen WPKL sejak 30 September lalu.

"Melalui operasi itu, pihak DBKL memeriksa 471 premis dan syarikat melibatkan aktiviti pusat urut, perniagaan restoran, kedai pakaian, jahitan baju, kedai runcit, gunting rambut, kedai barangan am dan lain-lain aktiviti.

"Hasilnya, sebanyak 26 premis diarah tutup selepas pemeriksaan mendapati premis perniagaan itu dikendalikan warga negara asing tanpa kebenaran.

"Tindakan itu diambil terhadap 15 peniaga warga Bangladesh, 10 warga Pakistan, tujuh warga India dan 12 warga Indonesia yang dipercayai turut dibantu peniaga tempa-

tan untuk

bertapak di negara ini. Semua mereka ditahan dan disiasat bagi tujuan dokumentasi.

"Sebanyak 11 notis kompaun turut dikeluarkan DBKL membabitkan pelbagai kesalahan terhadap individu, pemilik premis dan syarikat yang ingkar pematuan SOP PPN yang ditetapkan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.



TINDAKAN sita serta-merta dilakukan terhadap premis warga asing yang disyaki bersekongkol dengan peniaga tempatan.